

# Bekas juara Akademi al-Quran johan tilawah Terengganu



Ahmad Tarmizi dan Norhidayah bersama piala yang dimenangi.

**MARANG** - Qari dari Dungun, Ahmad Tarmizi Ali, 29, dan qariah dari Setiu, Norhidayah Abd Rahman, 23, muncul johan Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Terengganu yang berlangsung di Dataran Marang di sini, malam kelmarin.

Ahmad Tarmizi mendapat 94.5 markah, manakala Norhidayah meraih 87.1 markah.

Naib johan qari dan qariah masing-masing disandang oleh peserta juga berasal dari Dungun dan Setiu apabila Aziz Mohamad berjaya memperoleh 84.5 markah manakala Azizah Zakaria mendapat 84.5 markah.

Tempat ketiga pula dimenangi peserta dari Hulu Terengganu dan Marang. Peserta dari Hulu Terengganu, Abu Bakar Deraman mendapat 76.7 markah, manakala Rizayati Mohd Ali

mendapat 82.5 markah.

Johan qari dan qariah masing-masing menerima hadiah piala pusingan, piala iringan, wang tunai RM7,000, cenderamata dan sijil.

Naib johan pula mendapat wang tunai RM4,000, cenderamata dan sijil manakala, tempat ketiga menerima wang tunai RM2,000, cenderamata dan sijil.

Ahmad Tarmizi berkata, dia tidak menyangka akan diumumkan sebagai johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Terengganu pada tahun ini walaupun pernah menjadi johan di peringkat antarabangsa.

Juara Akademi al-Quran musim keempat itu berkata, dia tidak pernah terfikir akan muncul sebagai qari terbaik dalam setiap pertandingan disertai, kerana setiap kali memperden-

garkan bacaan, niatnya adalah hanya untuk beribadat kepada Allah.

Sementara itu, Norhidayah menyifatkan kemenangannya ini sebagai hadiah buat kedua ibu bapanya iaitu Abd Rahman Omar, 64, dan Lijah Othman, 58.

Dia yang telah empat kali menyertai tilawah peringkat negeri termasuk pada tahun ini pernah muncul johan qariah sebanyak dua kali sebelum ini dan kali ini sekali lagi berjaya mengatasi tujuh qariah lain sekali gus muncul johan kali ketiga.

Terdahulu seramai 14 peserta terbaik iaitu tujuh qari dan tujuh qariah dari seluruh negeri telah berjaya melayakkan diri ke Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Terengganu dan mengambil bahagian pada tilawah kali ini yang bermula Selasa lalu.